

20 JUN 1999

Umno-Kejutan

ADA JUGA ELEMEN KEJUTAN AKHIRNYA

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno ke-53 yang berakhir hari ini, menyaksikan beberapa kejutan juga akhirnya tetapi bukan dalam bentuk yang diramalkan.

Sebelum ini ramai tertanya-tanya selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata akan ada "kejutan" dalam ucapan dasarnya selaku presiden Umno pada perhimpunan kali ini.

Pada persidangan berita di akhir persidangan hari kedua Jumaat lepas Dr Mahathir menyebut mengenai satu bentuk elemen kejutannya dengan berkata "tiada kejutan itu sebenarnya satu kejutan juga".

Tetapi, bagi banyak pihak, terdapat "beberapa kejutan" lain.

Walaupun jangkakan kejutan itu tidak menjadi selepas Dr Mahathir menyampaikan ucapan dasar presiden Jumaat lepas, bagi banyak pihak, ia tetap berlaku -- walaupun tidak seperti yang mereka jangkakan.

Mereka mengandaikan bahawa "penjelasan secara terus terang" oleh perdana menteri mengenai peristiwa yang membawa kepada pemecatan bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, adalah kejutan yang dimaksudkan itu.

Dr Mahathir telah berkata tidak ada konspirasi untuk memecat Anwar tetapi sebaliknya, Anwar sendiri yang telah berkonspirasi untuk menggulingkannya.

Perdana Menteri memberi penjelasan panjang lebar bagaimana beliau hampir menjadi mangsa konspirasi politik Anwar, bagaimana bekas timbalannya itu cuba menutup dakwaan salah lakunya dan bagaimana bekas timbalan presiden parti itu menggunakan pihak asing dan media asing untuk mengembangkan agenda politiknya sendiri.

Anwar dilucutkan jawatan timbalan perdana menteri dan menteri kewangan pada 2 Sept dan dipecat dari Umno sehari kemudian.

Mungkin itu dianggap kejutan oleh sesetengah anggota Umno, yang lain merasa terkejut apabila ibu pejabat Umno semalam mengeluarkan senarai pemilikan saham khas dan penerima projek penswastaaan kerajaan bernilai beribu juta ringgit yang antaranya diberikan kepada penyokong Anwar.

Beratus-ratus orang berkerumun meneliti senarai itu yang bertajuk "Projek-projek yang diberikan kepada para penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim" yang dipamerkan di luar dewan persidangan Pusat Dagangan Dunia Putra, tempat berlangsungnya perhimpunan itu.

Kemudian, timbul satu lagi pendedahan apabila perdana menteri memberitahu persidangan berita semalam bahawa kerajaan mempunyai bukti nama-nama, termasuk nama anggota keluarga Anwar yang menjadi pengarah dan pengerusi syarikat-syarikat.

Pada persidangan berita yang sama, Dr Mahathir juga mendedahkan mengenai rasa syaknya bahawa Anwar mahu menghapuskan jawatan Timbalan Perdana Menteri selepas beliau menggantikannya.

Alasannya, ialah Anwar yang pada ketika itu menteri kewangan, tidak meluluskan pembinaan kediaman rasmi timbalan perdana menteri di Putrajaya, pusat pentadbiran baru kerajaan persekutuan.

Dengan ramai perwakilan menjangka bahawa Dr Mahathir akan mengumumkan mengenai pembubaran Parlimen pada perhimpunan agung itu, perdana menteri memutuskan untuk membiarkan semua orang termasuk parti pembangkang terus berteka-teki.

Beliau langsung tidak memberikan sebarang petunjuk mengenai bila pilihan raya umum akan diadakan, tetapi memberitahu persidangan berita itu bahawa Barisan Nasional yakin dapat mengekalkan majoriti dua per tiganya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa beliau bertanggungjawab untuk menerajui negara ini memasuki alaf baru.

Terdapat juga kejutan daripada pemimpin lain Umno yang menghadiri perhimpunan agung Umno.

Di sebalik jangkaan keanggotaan Umno semakin merosot, sebenarnya bilangan mereka meningkat kepada 2,771,768 orang setakat 31 Mei tahun ini, kata Setiausaha Agung parti Tan Sri Khalil Yaakob.

Perhimpunan agung ini juga menyaksikan PAS menerima kecaman hebat daripada sidang 2,000 perwakilan, tidak seperti perhimpunan-perhimpunan yang lepas.

Mereka membidas PAS kerana menggunakan Islam untuk menghentam Umno sedangkan PAS terlibat dalam perbuatan yang bercanggah dengan ajaran agama.

-- BERNAMA

ES NAK